

30/10/2002

Puteri Umno buktikan amalan demokrasi masih wujud

Zukri Valentino

TAHNIAH kepada Azalina Othman Said dan Noraini Ahmad di atas kemenangan tanpa bertanding mereka, masing-masing sebagai Ketua dan Naib Ketua Puteri Umno. Mereka akan mengetuai apa yang akan bergelar Pergerakan Puteri Umno Malaysia tidak lama lagi.

Kemenangan tanpa bertanding tidak bermakna demokrasi dalam Umno, khususnya sayap barunya, Puteri Umno, sudah tiada.

Saya tidak bersetuju dan menyanggah sama sekali dakwaan, pendapat atau keluhan mereka yang tidak mendapat kepercayaan daripada perwakilan Puteri (untuk jawatan Ketua Puteri) bahawa demokrasi dalam pergerakan itu sudah berkubur.

Demokrasi tidak hanya mesti ada pertandingan. Tanpa pertandingan sekalipun, demokrasi tetap subur bila mana sewaktu pencalonan (di bahagian), pengundian secara angkat tangan yang menandakan wujudnya demokrasi (dalam pergerakan yang masih muda ini) sudah dijalankan.

Kita dimaklumkan bahawa pencalonan untuk jawatan penting Puteri melalui proses pemilihan di bahagian masing-masing. Bagaimana boleh dikatakan tiada demokrasi?

Malang sekali, mereka yang menawarkan diri untuk bertanding menentang Azalina tidak mendapat tempat.

Kita bersimpati dengan hasrat empat pencabar Azalina yang langsung tidak memenuhi selera perwakilan Puteri di seluruh negara.

Namun, ini adalah politik yang menghalalkan segala kenyataan.

Politik juga bagi mereka yang cecal hati dan tabah terhadap sesuatu perjuangan. Politik juga bermakna ada masanya kita disokong dan disukai serta ada masanya kita ditolak dan dibenci.

Namun, seperti yang diketahui, politik dalam Puteri masih bersih kerana semua 165 bahagian menolak sebarang cubaan untuk "membakar jambatan selepas menyeberangi sungai". Dalam erti kata lain, menghargai sumbangan, jasa dan khidmat bakti Azalina terhadap Puteri Umno selama ini.

Perwakilan Puteri memperakui kedudukan Azalina sebagai ketua membuktikan mereka tahu berterima kasih dan bersyukur.

Mereka amat fokus dan tidak mudah diracuni pemikiran lantaran pelbagai dakwaan, tuduhan, celaan dan hinaan terhadap ketua mereka yang bermula daripada 'ground zero' ketika menggerakkan suatu pertubuhan yang kini mula diberi perhatian oleh semua pihak termasuk parti pembangkang.

Namun, yang paling penting, Puteri Umno membuktikan bahawa demokrasi masih wujud, lantaran pemilihan di bahagian yang dijalankan dengan sempurna.

Kita juga bersyukur kerana tiada kejadian tidak diingini berlaku ketika pemilihan dan pencalonan pada mesyuarat bahagian.

Kita gembira kerana Puteri membuktikan kematangan berpolitik, sesuatu yang mungkin boleh dan patut diteladani oleh rakan dalam Wanita dan Pemuda Umno.

Ini agak ironis! Mungkinkah ahli Wanita dan Pemuda perlu menilai dengan serius falsafah berparti yang diamalkan oleh adik mereka dalam Puteri?

Adalah menjadi adat pertandingan di mana ada pemenang dan tidak menang (kerana tiada yang kalah).

Mereka yang tidak menang seperti Mastina Abdul Hamid dan Mazibah Md Zin menunjukkan sikap terpuji dan profesional dalam politik.

Mereka berbuat apa yang selama ini menjadi pegangan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu menghormati pihak yang menang dan rapatkan

barisan.

Kita mengucapkan syabas kepada mereka. Mereka berjanji bekerjasama dengan Azalina dan pasukannya untuk membawa Puteri ke tahap lebih tinggi dan mantap.

Kita juga berterima kasih kepada Shahaniza Samsuddin dan Azlina Mehtab Mohd Ishaq kerana menarik diri daripada pertandingan merebut jawatan nombor dua pergerakan itu dengan sebab tidak mahu memecahbelahkan Puteri.

Saya ingin menyampaikan ingatan bahawa jika sanggup memenangi jawatan bermakna sanggup berkorban. Apabila sanggup berkorban, bermakna sanggup berbuat apa saja untuk memastikan bahawa agama, bangsa dan tanah air tidak akan menjadi korban.

ZUKRI VALENTENO
Umno Kuala Kedah,
Alor Setar, Kedah.